

# 2

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL

- Perspektif Keseluruhan
- Prestasi Ekonomi Global
  - Rencana 2.1 – Peningkatan Momentum Pertumbuhan Global
- Kerjasama Ekonomi Antarabangsa
  - Sisipan 2.1 – Memanfaatkan Peluang dalam Inisiatif Belt and Road
- Prospek 2018



# 2 | PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL

## Perspektif Keseluruhan

### *Pertumbuhan global semakin kukuh*

Pertumbuhan ekonomi global dijangka berkembang 3.6% pada 2017 (2016: 3.2%). Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan yang lebih baik di kebanyakan negara maju serta pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun (EMDE). Negara maju diunjur mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.2% (2016: 1.7%), manakala EMDE diunjur berkembang 4.6% (2016: 4.3%).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Amerika Syarikat (AS) diunjur meningkat pada kadar lebih pantas dipacu oleh aktiviti pelaburan yang lebih tinggi dan penggunaan yang kukuh. Kawasan euro juga dijangka mencatat momentum pertumbuhan yang menggalakkan disokong oleh permintaan domestik yang mantap serta dasar monetari akomodatif oleh European Central Bank (ECB). Jepun diunjur mencatat pertumbuhan melebihi jangkauan disumbang oleh pelaburan yang lebih tinggi dan eksport yang kukuh. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di United Kingdom (UK) dijangka kekal stabil dalam persekitaran perbelanjaan pengguna yang lebih perlahan berikutan ketidaktentuan ekonomi hasil rundingan Brexit.

Pertumbuhan EMDE dijangka meningkat disokong oleh permintaan global yang kukuh dan pelaburan yang lebih tinggi. China diunjur mencatat pertumbuhan stabil disokong oleh gabungan dasar makro, permintaan luar yang semakin kukuh dan kemajuan dalam pembaharuan domestik. Pertumbuhan ekonomi India dijangka kekal teguh dipacu oleh penggunaan swasta dan sektor perkhidmatan yang kukuh. Kebanyakan negara utama Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Viet Nam diunjur mencatat pertumbuhan mantap disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan permintaan luar yang lebih tinggi.

Inflasi negara maju diunjur meningkat dengan ketara kepada 1.7% (2016: 0.8%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga tenaga dan makanan. Inflasi EMDE juga dijangka mencatat 4.2% (2016: 4.3%) berikutan harga makanan yang lemah. Sementara itu, perdagangan dunia dianggarkan meningkat 4.2% pada 2017 (2016: 2.4%) menunjukkan permintaan global yang lebih tinggi dan aliran perdagangan yang lebih kukuh. Aliran pelaburan langsung

(FDI) global juga diunjur meningkat semula 5% kepada USD1.8 trilion pada 2017 (2016: -15%; USD1.5 trilion) disumbang oleh pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan di ekonomi utama dan keyakinan perniagaan yang meningkat.

Meskipun ekonomi global dijangka bertambah baik, beberapa risiko masih wujud. Faktor yang boleh menjejaskan pertumbuhan global termasuk ketepatan masa dan magnitud pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat, produktiviti lebih rendah di ekonomi utama, kebimbangan yang semakin meningkat terhadap dasar perlindungan perdagangan, hutang sektor awam dan isi rumah yang tinggi serta ketidaktentuan pasaran kewangan. Selain itu, ketegangan geopolitik yang semakin meningkat termasuk aktiviti keganasan dan pergolakan dalam negara serta risiko berkaitan cuaca juga boleh melembapkan pertumbuhan global.

## Prestasi Ekonomi Global

### *Pemulihan ekonomi menyokong pertumbuhan*

Pertumbuhan ekonomi AS berkembang 2.1% pada separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 1.3%) dipacu oleh permintaan domestik yang lebih tinggi dan eksport yang lebih kukuh. Pertumbuhan terutamanya disumbang oleh pelaburan swasta yang meningkat semula 2.5% (Januari – Jun 2016: -2.4%) didorong oleh perbelanjaan modal yang kukuh khususnya dalam pelaburan bukan rumah kediaman. Pelaburan bukan rumah kediaman kembali meningkat 3.9% (Januari – Jun 2016: -1.2%) terutamanya disumbang oleh pelaburan dalam struktur yang meningkat semula 7.5% (Januari – Jun 2016: -8.6%). Namun begitu, pelaburan kediaman berkurang 1.7% (Januari – Jun 2016: 8.6%) walaupun kadar gadai janji lebih rendah dan terdapat akses yang lebih mudah kepada program bantuan kewangan. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan peribadi meningkat perlahan sebanyak 2.8% (Januari – Jun 2016: 2.7%) disebabkan oleh perbelanjaan yang sederhana untuk perumahan. Ekonomi AS turut mendapat manfaat daripada eksport yang lebih kukuh dengan kenaikan mendadak sebanyak 3.2% (Januari – Jun 2016: -1.5%) terutamanya ke Brazil sebanyak 25.9% dan Hong Kong 24.5% (Januari – Jun 2016: -4.8%; -6.2%) bagi jentera dan jentera elektrik. Import juga meningkat 4% (Januari – Jun 2016: 0.9%) berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan bahan perindustrian serta barangan automotif.

**Jadual 2.1. KDNK Benar bagi Negara Terpilih 2016 – 2018**

	Perubahan (%)		
	2016	2017 <sup>1</sup>	2018 <sup>2</sup>
Dunia	3.2	3.6	3.7
Negara maju	1.7	2.2	2.0
Amerika Syarikat	1.5	2.2	2.3
Kawasan euro	1.8	2.1	1.9
Jepun	1.0	1.5	0.7
Republik Korea	2.8	3.0	3.0
Pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun	4.3	4.6	4.9
China	6.7	6.8	6.5
India	7.1	6.7	7.4
<b>ASEAN</b>			
Singapura	2.0	2.0 – 3.0	2.6
Thailand	3.2	3.5 – 4.0	3.1
Indonesia	5.0	5.0 – 5.4	5.5
Filipina	6.9	6.5 – 7.5	6.8
Viet Nam	6.2	6.5	6.2
Malaysia	4.2	5.2 – 5.7	5.0 – 5.5

<sup>1</sup> Anggaran.<sup>2</sup> Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pihak berkuasa negara.

Dari segi penawaran, pengeluaran perindustrian kembali meningkat 0.2% (Januari – Jun 2016: -2.6%) disumbang oleh peningkatan dalam perlombongan dan pembuatan. Peningkatan ini ditunjukkan oleh indeks pembuatan Institute for Supply Management (ISM) yang lebih tinggi pada paras 56.4 mata (Januari – Jun 2016: 50.8 mata) serta kadar kapasiti penggunaan pada 76.1% (Januari – Jun 2016: 75.3%). Indeks bukan pembuatan ISM juga meningkat kepada 56.9 mata (Januari – Jun 2016: 54.4 mata) menunjukkan aktiviti ekonomi terutamanya pesanan baharu dan pekerjaan telah meningkat. Walau bagaimanapun, jualan runcit berkembang sederhana sebanyak 4.7% (Januari – Jun 2016: 5.6%) disebabkan oleh jualan kenderaan bermotor yang lebih rendah.

Kadar pengangguran lebih rendah pada 4.4% (Januari – September 2016: 4.9%) berikutan pertambahan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, profesional dan perniagaan. Sementara itu, kos yang lebih tinggi untuk perumahan dan petrol menyebabkan inflasi meningkat kepada 2.1% (Januari – September 2016: 1.1%). US Federal Reserve (Fed) telah menaikkan kadar dana persekutuan sebanyak dua kali pada Mac dan Jun tahun ini antara 1.00% hingga 1.25% untuk mencapai sasaran inflasi 2% dan kadar pengangguran sifar dalam tempoh jangka sederhana. Pada 2017, pertumbuhan AS dijangka meningkat 2.2% (2016: 1.5%) dipacu oleh permintaan domestik yang lebih tinggi.

Ekonomi UK mencatat pertumbuhan 1.9% (Januari – Jun 2016: 1.7%) disokong oleh sektor perkhidmatan

dan sektor pengeluaran perindustrian. Sektor perkhidmatan yang merangkumi 78.6% ekonomi UK, berkembang 2.3% (Januari – Jun 2016: 2.7%) disumbang oleh subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan serta subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pengeluaran perindustrian meningkat 1% (Januari – Jun 2016: 0.8%) disokong oleh aktiviti pembuatan yang lebih tinggi berikutan kenaikan eksport terutamanya kenderaan komersil. Pertumbuhan sektor ini ditunjukkan oleh Purchasing Managers' Index (PMI) pembuatan, yang meningkat kepada paras 55.5 mata (Januari – Jun 2016: 51 mata). Sementara itu, sektor pembinaan berkembang lebih perlahan sebanyak 1.8% (Januari – Jun 2016: 2%) disebabkan oleh penurunan dalam subsektor pembaikan dan penyenggaraan serta subsektor kerja baharu.

Dari segi permintaan, penggunaan isi rumah mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 0.2% (Januari – Jun 2016: 0.5%) berikutan kadar inflasi yang didorong oleh Brexit melebihi pertumbuhan kadar upah. Sementara itu, pelaburan awam melonjak 19.8% (Januari – Jun 2016: -13.4%) lanjutan daripada pemulihan dalam subsektor perumahan awam sebanyak 10.8% (Januari – Jun 2016: -19.4%). Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 4.5% (Januari – Julai 2016: 5%) disokong oleh pewujudan pekerjaan yang lebih tinggi dalam sektor pengeluaran perindustrian terutamanya pembuatan. Sementara itu, inflasi meningkat dengan ketara pada 2.5% (Januari – Ogos 2016: 0.4%) berikutan kenaikan harga minyak, minuman beralkohol dan tembakau serta susut nilai mata wang pound sterling. Sejak Ogos 2016, Bank of England mengekalkan kadar faedah pada 0.25% bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Ekonomi UK dijangka kekal 1.7% pada 2017 (2016: 1.8%) disokong oleh pelaburan perniagaan dan permintaan luaran yang baik walaupun dalam persekitaran ketidakpastian pasca Brexit.

KDNK kawasan euro berkembang 2.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 1.7%) disokong oleh pengeluaran perindustrian yang kukuh dan dasar monetari akomodatif yang masih dilaksanakan oleh ECB. Sektor perindustrian meningkat 2.3% (Januari – Jun 2016: 1.5%) disumbang oleh permintaan global yang lebih tinggi bagi barangan pembuatan. Sektor pembinaan meningkat 3.1% (Januari – Jun 2016: 1.5%) berikutan kenaikan dalam aktiviti kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Dari segi permintaan, pelaburan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 2.9% (Januari – Jun 2016: 3.1%) disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang lemah pada suku kedua 2017, walaupun mencatat prestasi kukuh pada suku pertama. Penggunaan isi rumah berkembang perlahan

**Jadual 2.2. Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2016 – 2017**

	Perubahan (%)	
	2016	2017 <sup>1</sup>
Dunia	2.8	3.1
Negara maju	0.8	1.7
Amerika Syarikat	1.3	2.1
Kawasan euro	0.2	1.5
Jepun	-0.1	0.4
Republik Korea	1.0	1.9
Pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun	4.3	4.2
China	2.0	1.8
India	4.5	3.8
<b>ASEAN</b>		
Singapura	-0.5	1.1
Thailand	0.2	1.6
Indonesia	3.5	4.2
Filipina	1.8	3.4
Viet Nam	2.7	3.7
Malaysia	2.1	3.0 – 4.0

<sup>1</sup> Anggaran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pihak berkuasa negara.

sebanyak 1.7% (Januari – Jun 2016: 2%) disebabkan oleh pendapatan boleh guna yang lebih rendah berikutan peningkatan harga tenaga. Perdagangan meningkat dengan eksport melonjak 4.5% (Januari – Jun 2016: 2.6%) lanjutan permintaan global yang kukuh, manakala import meningkat 4.3% (Januari – Jun 2016: 3.8%).

Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan kadar pengangguran lebih rendah pada 9.3% (Januari – Ogos 2016: 10.2%) disebabkan oleh pembaharuan struktur dan dasar kerajaan di beberapa negara yang menggalakkan pewujudan lebih banyak pekerjaan. Pada Ogos 2017, kadar pengangguran di rantau ini adalah tidak sekata dengan Jerman mencatat kadar pengangguran terendah pada 3.6%, manakala Sepanyol mencatat kadar tertinggi pada 17.1%. Sementara itu, kadar inflasi meningkat kepada 1.6% (Januari – September 2016: 0.1%) susulan harga tenaga yang lebih tinggi.

ECB mengekalkan kadar faedah bagi operasi pembiayaan semula utama pada kadar 0%, kemudahan pinjaman marginal 0.25% dan kemudahan deposit -0.40% sejak Mac 2016, dalam usaha untuk meningkatkan kemudahan pembiayaan, menggalakkan pelaburan dan mencapai sasaran kadar inflasi 2%. Sementara itu, program pelonggaran kuantitatif (QE) ECB sebanyak EUR60 bilion sebulan akan diteruskan sehingga akhir Disember 2017. Pada 2017, kawasan euro dijangka mencatat pertumbuhan 2.1% (2016: 1.8%) disokong oleh permintaan domestik dan aktiviti perdagangan yang kukuh berikutan permintaan global yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang

mungkin menjejaskan pertumbuhan di rantau ini seperti keutuhan sektor perbankan di Eropah dan ketidaktentuan hasil rundingan Brexit dengan UK.

Jerman yang merupakan ekonomi terbesar di kawasan euro berkembang 2% (Januari – Jun 2016: 1.8%) disokong oleh pengeluaran perindustrian yang menggalakkan dan permintaan luar yang lebih tinggi. Pengeluaran perindustrian bertambah baik 2.1% (Januari – Jun 2016: 1%) dengan peningkatan dalam output pembuatan dan tempahan baharu bagi kereta. Peningkatan ini turut ditunjukkan oleh kenaikan PMI pembuatan kepada 58.1 mata (Januari – Jun 2016: 52 mata). Sektor pembinaan berkembang 3.9% (Januari – Jun 2016: 3.6%) berikutan keadaan cuaca yang menggalakkan aktiviti pembinaan.

Dari segi permintaan, perdagangan meningkat ketara dengan eksport mencatat 6.3% (Januari – Jun 2016: 1.3%) terutamanya bagi produk kenderaan bermotor, jentera dan produk kimia, manakala import melonjak 9.3% (Januari – Jun 2016: 0.3%). Walau bagaimanapun, penggunaan isi rumah meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.7% (Januari – Jun 2016: 2.5%) dan penggunaan kerajaan berkembang sederhana 1.6% (Januari – Jun 2016: 4.8%). Pelaburan lebih perlahan sebanyak 3.2% (Januari – Jun 2016: 4%) khususnya pelaburan dalam jentera dan peralatan sebanyak 1.3% (Januari – Jun 2016: 4.2%), manakala pelaburan dalam sektor pembinaan kekal 4.3% (Januari – Jun 2016: 4.3%).

Kadar inflasi lebih tinggi pada 1.7% (Januari – September 2016: 0.2%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga tenaga dan makanan. Pasaran buruh terus kukuh dengan kadar pengangguran pada 3.8% (Januari – Ogos 2016: 4.3%). Pada 2017, Jerman dijangka berkembang 2.1% (2016: 1.9%) disokong oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi dan permintaan isi rumah yang semakin meningkat.

Perancis mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 1.4% (Januari – Jun 2016: 1.2%) disokong oleh output industri yang lebih tinggi. Pengeluaran perindustrian meningkat 1.2% (Januari – Jun 2016: 0.5%) disebabkan oleh peningkatan aktiviti pembuatan dan pembinaan. Output pembuatan berkembang 1.5% (Januari – Jun 2016: 0.6%) sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan yang mendadak dalam pengeluaran arang kok dan produk petroleum ditapis yang kembali meningkat 6.5% (Januari – Jun 2016: -10.9%). Aktiviti pembinaan juga meningkat semula 4% (Januari – Jun 2016: -2.3%) dipacu oleh pembinaan kediaman baharu.

Dari segi permintaan, perbelanjaan isi rumah ke atas barangan lebih rendah 1.7% (Januari – Jun 2016: 2.2%) disebabkan oleh kuasa membeli yang lebih rendah. Pelaburan juga lebih perlahan sebanyak 2.4% (Januari – Jun 2016: 3.9%) berikutan

**Rencana 2.1**

**Peningkatan Momentum Pertumbuhan Global**


**Pengenalan**

Prospek ekonomi global dijangka kekal memberangsangkan pada 2017 dan 2018 dipacu oleh pertumbuhan ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Pertumbuhan negara maju disokong oleh pengembangan ekonomi AS, kawasan euro dan Jepun berikutan peningkatan pelaburan dan eksport. Sementara itu, pertumbuhan dalam kalangan EMDE semakin teguh didorong oleh pengukuhan harga komoditi, pemulihan aktiviti perindustrian dan peningkatan pelaburan serta keyakinan pasaran. Selepas dua tahun mengalami penurunan ketara, pertumbuhan perdagangan global mula mengukuh sejak pertengahan 2016 dan dijangka mengatasi pertumbuhan KDNK dunia. Persekitaran kewangan antarabangsa terus stabil manakala inflasi kian meningkat disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi.

**Pengukuhan Aktiviti Ekonomi Global**

Momentum pertumbuhan ekonomi global telah mula menunjukkan peningkatan. Ekonomi dunia diunjur berkembang 3.6% pada 2017 kepada 3.7% pada 2018 (2016: 3.2%). Sementara itu, pertumbuhan perdagangan global dijangka berkembang lebih kukuh sebanyak 4.2% pada 2017 dan 4% pada 2018 (2016: 2.4%) disokong oleh aktiviti pelaburan dan perindustrian lebih tinggi.


**Rajah 2.1.1. Pertumbuhan dan Perdagangan Global**



Sumber: World Economic Outlook, Tabung Kewangan Antarabangsa, Oktober 2017.


Sektor pembuatan global terus melonjak dengan pemulihan ketara dicerminkan melalui pertumbuhan Indeks Pengurus Pembelian (PMI).<sup>1</sup> Peningkatan pengeluaran global disokong terutamanya oleh permintaan bagi semikonduktor. Pengeluaran perindustrian yang lebih tinggi direkod di AS, China dan Jerman. Sejak tempoh separuh kedua 2016, pelaburan telah menunjukkan pengukuhan momentum selaras dengan peningkatan ketara dalam sektor pembuatan, terutamanya di AS dan Jepun. Sementara itu, pelaburan di China dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan modal dalam infrastruktur dan hartanah.

**Rajah 2.1.2. Indeks Pengurus Pembelian**



Sumber: Bloomberg.


**Rajah 2.1.3. Jualan Semikonduktor Global**




Sumber: Statistik Perdagangan Semikonduktor Dunia.

<sup>1</sup> Diukur mengikut sumbangan negara kepada nilai ditambah kasar pembuatan global. (JP Morgan, 2017).




**Rajah 2.1.4. Pengeluaran Perindustrian**

Sumber: Economist Intelligence Unit.


**Rajah 2.1.5. Jumlah Pelaburan**

Sumber: Bloomberg.

Keyakinan pengguna dalam kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menyumbang kepada pertumbuhan global yang kukuh. Sentimen pengguna di AS menunjukkan peningkatan berikutan pengukuhan pasaran tenaga kerja dan penambahan kekayaan isi rumah. Sementara itu, pemulihan pelaburan, kerancakan sektor tenaga dan jangkaan pengurangan cukai telah meningkatkan keyakinan perniagaan. Begitu juga di Jepun, indeks *tankan*<sup>2</sup> berada pada tahap tertinggi dalam tempoh tiga tahun yang mencerminkan keyakinan dalam kalangan syarikat pembuatan yang besar. Selain itu, Business Climate Indicator bagi kawasan euro meningkat kepada 1.34 mata pada September 2017 (September 2016: 0.43 mata) yang merupakan paras tertinggi sejak April 2011, menunjukkan persekitaran perniagaan yang bertambah baik.

**Rajah 2.1.6. Indeks Sentimen Pengguna dan Keyakinan Perniagaan Negara OECD**

Sumber: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi.

**Rajah 2.1.7. Indeks Tankan**

Sumber: Bloomberg.


Perdagangan global dijangka berkembang lebih pesat pada 2017 disokong oleh pertambahan permintaan import daripada ekonomi maju utama serta peningkatan aktiviti perdagangan di China. Perdagangan global sebahagiannya disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal dalam kalangan negara maju memandangkan pelaburan adalah berintensifkan import.<sup>3</sup> Sementara itu, perbelanjaan eksport dan infrastruktur lebih tinggi di China telah meningkatkan permintaan input perantaraan, seterusnya memberi manfaat kepada negara pengeksport bahan mentah dan komoditi perindustrian. Baltic Dry Index<sup>4</sup> yang mengukur perubahan kos pengangkutan pelbagai bahan mentah telah melonjak ke paras 1,503 mata pada September 2017 selepas jatuh ke paras terendah iaitu 290 mata pada Februari tahun lalu. Di samping itu, Penunjuk Utama Perdagangan Global Morgan Stanley meningkat sejak akhir 2016 yang menunjukkan kerancakan aktiviti perdagangan berikutan peningkatan pengeluaran pembuatan AS.

<sup>2</sup> Kaji selidik suku tahunan mengenai keyakinan perniagaan yang dilaporkan oleh Bank of Japan.

<sup>3</sup> Hong et al. (2016). *China and Asia in Global Trade Slowdown*, IMF Working Paper 16/105, Tabung Kewangan Antarabangsa.

<sup>4</sup> Indeks perkapalan dan perdagangan yang diwujudkan oleh Baltic Exchange yang berpusat di London.


**Rajah 2.1.8. Baltic Dry Index dan Penunjuk Utama Perdagangan Global Morgan Stanley (MSGTLI)**



Sumber: Bloomberg.


Persekitaran pembiayaan global semakin stabil dan mendapat manfaat daripada jangkaan pasaran terhadap prospek pertumbuhan yang lebih baik. Volatiliti pasaran kewangan kekal rendah meskipun terdapat peningkatan ketidaktentuan dasar yang mencerminkan pembaharuan selera risiko pelabur. Perkembangan ini sejajar dengan pasaran forex dan ekuiti yang semakin menggalakkan sejak beberapa bulan lalu.

**Rajah 2.1.9. Indeks Forex MSCI Negara yang Berkembang Pesat**



Sumber: Bloomberg.

**Rajah 2.1.10. Indeks Ekuiti MSCI Negara yang Berkembang Pesat**



Sumber: Bloomberg.

Harga minyak mengukuh disokong oleh aktiviti yang mapan dan jangkaan permintaan global yang lebih rancak serta sekatan bekalan minyak yang dipersetujui. Purata harga minyak mencatat USD52.05 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 berbanding USD42.04 setong dalam tempoh yang sama tahun lalu. Menurut Bank Dunia, harga minyak dijangka meningkat 23.8% mencecah purata USD53 setong pada 2017 dan terus mengukuh 5.7% kepada USD56 setong pada 2018.<sup>5</sup>

**Rajah 2.1.11. Harga Minyak Brent**



Sumber: Bloomberg.

<sup>5</sup> Global Economic Prospects (Jun 2017). Bank Dunia.



## Kesimpulan

Walaupun ekonomi global sedang melalui fasa pemulihan serentak dicerminkan oleh data ekonomi terpilih yang tinggi sejak beberapa tahun namun masih terdapat risiko kepada pertumbuhan. Risiko ini termasuk peningkatan dasar perlindungan; ketidaktentuan dasar dalam kalangan negara maju utama dan beberapa EMDE; pertumbuhan produktiviti yang perlahan; dan ketegangan geopolitik. Walau bagaimanapun, pengembangan dasar fiskal dalam kalangan ekonomi utama dijangka menjadi pencetus kepada pertumbuhan global. Selain itu, pembaharuan struktur bagi meningkatkan produktiviti di samping peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan dijangka dapat memperteguh daya tahan dan mengukuhkan prospek pertumbuhan global. Berdasarkan perkembangan ini, ekonomi dan perdagangan global dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh pada 2018.

perbelanjaan modal dalam barangan pembuatan terutamanya peralatan pengangkutan merosot. Sementara itu, aktiviti perdagangan bertambah baik dengan eksport kembali meningkat 3.3% (Januari – Jun 2016: -1.9%), manakala import meningkat semula 7.8% (Januari – Jun 2016: -1.4%).

Kadar pengangguran berkurang kepada 9.6% (Januari – Ogos 2016: 10.1%) disokong oleh pasaran buruh yang lebih baik berikutan pewujudan pekerjaan yang lebih banyak dalam sektor swasta. Sementara itu, kenaikan harga minyak menyebabkan kadar inflasi meningkat kepada 1.2% (Januari – September 2016: 0.2%). Pada 2017, KDNK Perancis diunjur berkembang 1.6% (2016: 1.2%) disokong oleh sektor sekunder terutamanya dalam aktiviti pembuatan dan pembinaan.

KDNK Jepun meningkat pada kadar lebih pantas sebanyak 1.5% (Januari – Jun 2016: 0.7%) sebahagian besarnya disokong oleh penggunaan swasta yang teguh dan perbelanjaan modal yang lebih tinggi. Penggunaan swasta berkembang 1.4% (Januari – Jun 2016: 0.1%) dipacu oleh peningkatan permintaan kereta lanjutan daripada keyakinan pengguna yang bertambah baik. Pengembangan ini turut didorong oleh peningkatan pembelian penyaman udara berikutan cuaca panas yang melampau. Perbelanjaan modal meningkat sebanyak 2.8% (Januari – Jun 2016: 0.3%) dipacu oleh pelaburan dalam teknologi untuk mengatasi masalah kekurangan buruh. Sementara itu, pelaburan dalam kediaman swasta lebih tinggi sebanyak 6.4% (Januari – Jun 2016: 4.2%) berikutan pelabur hartanah mengambil peluang ke atas kenaikan harga tanah dan dasar kadar faedah negatif. Pelaburan bukan kediaman swasta melonjak 3.2% (Januari – Jun 2016: 0.6%) didorong oleh persediaan bagi penganjuran Olimpik Tokyo 2020.

Eksport kembali meningkat 9.6% (Januari – Jun 2016: -2.9%) terutamanya disumbang oleh permintaan semikonduktor dan jentera semikonduktor yang lebih tinggi. Import meningkat semula 12.5% (Januari – Jun 2016: -12.3%) disokong oleh pelaburan modal

yang lebih tinggi terutamanya bahan kimia, alatan elektronik dan bahan mentah lanjutan daripada keyakinan perniagaan yang bertambah baik. Dari segi penawaran, pengeluaran perindustrian kembali meningkat 4.9% (Januari – Jun 2016: -1.6%) didorong oleh permintaan global yang lebih tinggi bagi produk berkaitan IT serta robot perindustrian. Kadar pengangguran lebih rendah pada 2.9% (Januari – Ogos 2016: 3.2%) berikutan penurunan dalam populasi bekerja serta peningkatan pewujudan pekerjaan. Kadar inflasi meningkat kepada 0.4% (Januari – Ogos 2016: -0.2%) disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Bank of Japan (BOJ) mengekalkan kadar dasar pada -0.10% sejak Januari 2016. Selain itu, BOJ meneruskan pelaksanaan dasar *Quantitative and Qualitative Monetary Easing with the Yield Curve Control* untuk mencapai sasaran kadar inflasi pada 2%. Secara keseluruhan, Jepun dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 1.5% (2016: 1%) berikutan peningkatan eksport serta pelaburan yang lebih tinggi sempena penganjuran Olimpik Tokyo 2020.

Ekonomi Australia mencatat pertumbuhan perlahan sebanyak 1.8% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 3.2%) disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang lemah dan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan. Perbelanjaan isi rumah berkembang perlahan sebanyak 2.7% (Januari – Jun 2016: 3%) disebabkan oleh hutang isi rumah lebih tinggi. Eksport turut berkembang perlahan sebanyak 4.3% (Januari – Jun 2016: 7.3%) berpunca daripada aktiviti perlombongan yang terjejas disebabkan oleh Taufan Debbie, manakala import kembali meningkat 6.5% (Januari – Jun 2016: -1.7%). Sementara itu, pelaburan meningkat semula 0.7% (Januari – Jun 2016: -5.1%) disumbang oleh perbelanjaan modal infrastruktur yang lebih tinggi.

Dari sudut penawaran, pengeluaran perindustrian berkurang 0.1% (Januari – Jun 2016: 4.2%) disebabkan oleh sektor pembuatan yang merosot 1.8% (Januari –

Jun 2016: -2.8%). Sektor pembinaan menguncup 0.2% (Januari – Jun 2016: -7.9%) disebabkan oleh kelembapan dalam pelaburan kediaman. Kadar pengangguran lebih rendah pada 5.6% (Januari – Ogos 2016: 5.7%) berikutan peralihan pasaran buruh ke arah pekerjaan separuh masa. Sementara itu, inflasi meningkat kepada 2% (Januari – Jun 2016: 1.3%) disebabkan oleh kenaikan harga runcit gas dan elektrik serta kekurangan bekalan hasil segar akibat Taufan Debbie. Reserve Bank of Australia mengekalkan kadar dasar pada 1.50% sejak Ogos 2016 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada 2017, Australia diunjur mencatat pertumbuhan 2.2% (2016: 2.5%) disokong oleh pelaburan terutamanya dalam sektor perlombongan, pengeluaran gas asli cecair (LNG) dan pelaburan berterusan dalam sektor bukan perlombongan.

KDNK Republik Korea berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 3.2%) terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta dan eksport yang lemah. Penggunaan swasta berkurang 2.2% (Januari – Jun 2016: 2.9%) berikutan kenaikan kadar upah yang perlahan dan hutang isi rumah yang tinggi. Eksport juga berkurang sedikit 1.9% (Januari – Jun 2016: 2%) sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lemah untuk kenderaan dan peranti tanpa wayar. Import meningkat 8% (Januari – Jun 2016: 0.4%) disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi bagi jentera. Pelaburan modal meningkat semula dengan ketara sebanyak 15.8% (Januari – Jun 2016: -3.8%) terutamanya bagi IT, petrokimia, penapisan minyak dan pengeluaran kereta berikutan syarikat memberikan tumpuan kepada penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan kecekapan kemudahan sedia ada.

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan meningkat 3.9% (Januari – Jun 2016: 2.6%) terutamanya disumbang oleh tempahan kerja baharu yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan berkurang 1.8% (Januari – Jun 2016: 2.7%) sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta subsektor restoran dan hotel. Kadar pengangguran kekal pada 3.8% (Januari – Ogos 2016: 3.8%) berikutan penambahan peluang pekerjaan dalam sektor awam mengimbangi pengurangan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan. Inflasi lebih tinggi pada 2.6% (Januari – Ogos 2016: 0.6%) sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan minuman tanpa alkohol serta perumahan dan utiliti. Bank of Korea mengekalkan kadar dasar pada 1.25% sejak Jun 2016 bagi menyokong aktiviti ekonomi. Pada Julai 2017, kerajaan Korea meluluskan bajet tambahan berjumlah USD10 bilion bertujuan mewujudkan lebih banyak pekerjaan dalam sektor

awam serta menambah baik persekitaran kerja dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pada 2017, Republik Korea dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3% (Januari – Jun 2016: 2.8%) disumbang oleh eksport yang lebih tinggi.

Ekonomi China mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.9% (Januari – Jun 2016: 6.7%) terutamanya didorong oleh sektor perkhidmatan dan sektor industri yang teguh. Sektor perkhidmatan yang merangkumi 54.1% daripada ekonomi, berkembang 7.7% (Januari – Jun 2016: 7.5%) dalam usaha China untuk mengimbangi semula ekonominya ke arah ekonomi berasaskan penggunaan, perkhidmatan dan inovasi. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan disokong oleh subsektor pengangkutan, penyimpanan dan pos serta subsektor perkhidmatan penghantaran maklumat, perisian dan IT. Pengeluaran perindustrian meningkat 6.9% (Januari – Jun 2016: 6%) diterajui oleh pertumbuhan dalam subsektor pembuatan terutamanya bagi industri pembuatan peralatan dan berteknologi tinggi selaras dengan pelan *Made in China 2025*.

Dari sudut permintaan, pelaburan dalam pembangunan harta tanah terus mencatat pertumbuhan 8.5% (Januari – Jun 2016: 6.1%) disokong oleh jualan hartanah dan pelaburan di bandar dengan tahap pembangunan lebih rendah. Pelaburan dalam aset tetap berkembang lebih perlahan sebanyak 8.6% (Januari – Jun 2016: 9%) berikutan pelaburan awam yang berkurang dengan ketara sebanyak 12% (Januari – Jun 2016: 23.5%) walaupun pelaburan swasta melonjak. Pelaburan swasta meningkat dengan mendadak sebanyak 7.2% (Januari – Jun 2016: 2.8%) didorong oleh pembaharuan dalam pemilikan modal syarikat milik kerajaan. Eksport meningkat semula dengan ketara sebanyak 8.5% (Januari – Jun 2016: -7.7%) didorong oleh permintaan produk mekanikal dan elektrik yang lebih tinggi. Import kembali meningkat 18.9% (Januari – Jun 2016: -10.2%) disumbang oleh permintaan untuk arang kok yang lebih tinggi lanjutan daripada pengeluaran keluli yang meningkat.

Inflasi lebih rendah pada 1.5% (Januari – Ogos 2016: 2%) sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan harga telur dan daging khinzir. People's Bank of China (PBC) mengekalkan kadar pinjaman pada 4.35% sejak Oktober 2015. Selaras dengan dasar monetari yang neutral dan berhemat, PBC melaksanakan operasi pasaran terbuka pada Januari 2017 dengan menggunakan gabungan instrumen dasar monetari dengan cara yang fleksibel bagi memastikan kecairan dan pertumbuhan yang stabil. Pada 2017, ekonomi China diunjur berkembang 6.8% (2016: 6.7%) dalam persekitaran pembaharuan struktur dari sudut penawaran dan usaha mengimbangi semula ekonomi serta permintaan global yang lebih tinggi.

Dalam tempoh separuh pertama 2017, **India** mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 5.9% (Januari – Jun 2016: 7.5%) kesan kelembapan dalam sektor pembuatan dan sektor perlombongan serta penguncupan dalam sektor pembinaan. Sektor pembuatan meningkat lebih perlahan sebanyak 3.2% (Januari – Jun 2016: 9.2%) disebabkan oleh langkah penghabisan stok oleh peniaga sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada Julai 2017. Aktiviti perlombongan juga berkembang sederhana sebanyak 3% (Januari – Jun 2016: 4.1%) disebabkan oleh penurunan pengeluaran magnesit, bauksit, tembaga dan batu kapur. Sektor pembinaan yang berintensifkan tunai dan buruh menguncup 0.8% (Januari – Jun 2016: 3%) disebabkan oleh perubahan peraturan kawal selia harta tanah serta kekurangan wang tunai kesan daripada penyahwangan dan penarikan balik wang kertas bernilai tinggi. Sebaliknya, sektor perkhidmatan berkembang 8% (Januari – Jun 2016: 9.2%) disebabkan oleh subsektor pentadbiran awam, pertahanan dan perkhidmatan lain yang meningkat 13.3% (Januari – Jun 2016: 9.4%). Sektor pertanian berkembang 3.8% (Januari – Jun 2016: 2.1%) disumbang oleh peningkatan hasil tuaian berikutan musim monsun yang baik.

Dari segi permintaan, penggunaan swasta meningkat 7% (Januari – Jun 2016: 7.5%) disokong oleh pasaran buruh yang menggalakkan serta kenaikan bayaran upah dan pencen. Sementara itu, pelaburan terus menguncup 0.3% (Januari – Jun 2016: -2.5%) menandakan tiada peningkatan dalam aktiviti pelaburan dalam ekonomi. Eksport meningkat semula 5.8% (Januari – Jun 2016: -5.2%) disumbang oleh permintaan besi dan keluli, zink, plumbum dan bijih yang lebih banyak. Import juga kembali meningkat 12.7% (Januari – Jun 2016: -13.5%) disebabkan oleh permintaan lebih tinggi untuk bijirin, kapas serta gula dan konfeksi.

Inflasi seperti yang ditunjukkan oleh indeks harga borong lebih tinggi pada 4.1% (Januari – Jun 2016: -0.7%) disebabkan oleh kenaikan harga diesel, petrol, gula dan produk berserat. Pada Ogos 2017, Reserve Bank of India mengurangkan kadar dasar *repo* utama sebanyak 25 mata asas kepada 6.00% untuk merangsang permintaan kredit dan meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi India diunjur 6.7% (2016: 7.1%) disokong oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi, sektor perkhidmatan yang kukuh serta pelaksanaan pembaharuan struktur untuk memacu aktiviti ekonomi.

Ekonomi **ASEAN** mencatat pertumbuhan kukuh dalam tempoh separuh pertama 2017 disumbang oleh peningkatan permintaan domestik dan kenaikan eksport berikutan harga komoditi yang lebih tinggi. Pengembangan ekonomi di ASEAN juga disokong oleh pertumbuhan dalam negara maju dan EMDE yang lain. Kebanyakan ekonomi ASEAN mencatat

pertumbuhan lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Secara keseluruhan, KDNK ASEAN diunjur berkembang 4.9% pada 2017 (2016: 4.6%) disokong oleh permintaan domestik lebih tinggi dan perdagangan yang lebih baik.

KDNK **Indonesia** berkembang 5% (Januari – Jun 2016: 5.1%) terutamanya disokong oleh pelaburan dan penggunaan isi rumah yang lebih tinggi. Pelaburan meningkat 5.1% (Januari – Jun 2016: 4.4%) terutamanya dalam sektor perlombongan serta sektor elektrik, gas dan air. Penggunaan isi rumah berkembang 4.9% (Januari – Jun 2016: 5%) berikutan keadaan pasaran buruh yang lebih baik. Sementara itu, perbelanjaan kerajaan berkembang sederhana 0.4% (Januari – Jun 2016: 4.8%) disebabkan oleh kawalan perbelanjaan. Eksport meningkat semula 5.8% (Januari – Jun 2016: -2.7%) terutamanya disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi untuk O&G serta produk pertanian. Import juga kembali meningkat 2.8% (Januari – Jun 2016: -4.2%) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk bahan api, gandum dan gula tebu mentah.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dipacu oleh sektor maklumat dan komunikasi yang berkembang 10%, pengangkutan dan penyimpanan 8.2% serta pembinaan 6.5% (Januari – Jun 2016: 8.5%; 7.4%; 5.9%). Kadar pengangguran bertambah baik kepada 5.3% (Februari 2016: 5.5%) berikutan pewujudan pekerjaan yang lebih banyak disumbang oleh peningkatan FDI. Inflasi meningkat kepada 3.9% (Januari – September 2016: 3.6%) sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan tarif elektrik. Bank Indonesia mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 4.25% pada September 2017 untuk menyokong pertumbuhan. Secara keseluruhan, Indonesia diunjur berkembang antara 5% hingga 5.4% (2016: 5%) disumbang oleh peningkatan penggunaan dan aktiviti pelaburan.

Ekonomi **Thailand** berkembang 3.5% (Januari – Jun 2016: 3.4%) terutamanya disokong oleh sektor pembuatan yang meningkat 1.2%, perdagangan borong dan runcit 5.9% serta pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi 7% (Januari – Jun 2016: 1%; 4.7%; 5.3%). Sektor pertanian, pemburuan dan perhutanan juga meningkat semula 11.1% (Januari – Jun 2016: -1.9%) berikutan berakhirnya musim kemarau yang disebabkan oleh El Nino. Dari sudut permintaan, penggunaan swasta meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 3.1% (Januari – Jun 2016: 3.4%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk makanan dan minuman tanpa alkohol, restoran dan perhotelan serta pengangkutan. Eksport barangan meningkat semula 3.8% (Januari – Jun 2016: -0.5%) disokong oleh peningkatan permintaan untuk minyak mentah, bahan api bertapis, bahan kimia, getah dan gula. Import barangan juga kembali meningkat 8.3% (Januari – Jun 2016: -5.2%) disumbang oleh



permintaan yang lebih tinggi untuk barangan pengguna, bahan mentah serta barangan modal dan perantaraan.

Inflasi meningkat kepada 0.6% (Januari – September 2016: 0%) terutamanya disebabkan oleh kos pengangkutan yang lebih tinggi. Sementara itu, kadar pengangguran kekal rendah pada 1.2% (Januari – Jun 2016: 1%). Bank of Thailand mengekalkan kadar dasar pada 1.50% untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Thailand diunjur berkembang antara 3.5% hingga 4% pada 2017 (2016: 3.2%) dipacu oleh sektor pertanian serta pengembangan dalam industri pelancongan dan eksport.

KDNK **Singapura** berkembang 2.7% (Januari – Jun 2016: 1.9%) disokong oleh sektor perkhidmatan dan sektor barangan. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terutamanya disumbang oleh subsektor pengangkutan dan penyimpanan yang meningkat 4%, kewangan dan insurans 2.3% serta perkhidmatan perniagaan 1.4% (Januari – Jun 2016: 1.5%; 1%; 0.1%). Pengembangan dalam sektor barangan dipacu oleh subsektor pembuatan yang mencatat peningkatan ketara 8.3% (Januari – Jun 2016: 0.6%) berikutan permintaan global yang kukuh untuk semikonduktor dan kelengkapan berkaitan semikonduktor.

Dari segi permintaan, pelaburan terus menguncup 5.6% (Januari – Jun 2016: -0.4%) disebabkan kemerosotan dalam pelaburan swasta dan awam. Penggunaan swasta juga menguncup 0.3% (Januari – Jun 2016: 2.2%), manakala perbelanjaan kerajaan berkurang 5.1% (Januari – Jun 2016: 9.8%). Sementara itu, eksport meningkat 4.2% (Januari – Jun 2016: 1.2%) disokong oleh permintaan global yang lebih kukuh untuk semikonduktor dan kelengkapan berkaitan semikonduktor. Import turut melonjak 4.7% (Januari – Jun 2016: 0.6%) dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi untuk peralatan mesin elektrik, petroleum dan mesin pejabat.

Inflasi mencatat 0.7% (Januari – Ogos 2016: -0.8%) disebabkan oleh kos pengangkutan dan pendidikan yang lebih tinggi, manakala kadar pengangguran mencatat 2.5% (Januari – Jun 2016: 2.3%). Pada Oktober 2017, Monetary Authority of Singapore mengekalkan dasar monetari yang berasaskan kadar pertukaran pada 0%. Ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 2% hingga 3% pada 2017 (2016: 2%) disokong oleh sektor barangan terutamanya subsektor pembuatan dan sektor perkhidmatan terutamanya subsektor perdagangan borong serta subsektor kewangan dan insurans.

Pertumbuhan ekonomi **Filipina** berkembang 6.4% (Januari – Jun 2016: 7%) disokong oleh sektor perkhidmatan dan sektor industri. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan 6.4% (Januari – Jun 2016: 7.9%) disokong oleh subsektor perdagangan

dan pembaikan kenderaan bermotor, motosikal, barangan peribadi dan barangan isi rumah serta subsektor harta tanah, penyewaan dan aktiviti perniagaan. Sektor industri berkembang 6.8% (Januari – Jun 2016: 8.4%) dipacu oleh subsektor pembuatan terutamanya dalam pengeluaran radio, televisyen dan peralatan komunikasi serta makanan.

Dari segi permintaan, penggunaan isi rumah berkembang sederhana 5.8% (Januari – Jun 2016: 7.3%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk makanan dan minuman tanpa alkohol. Perbelanjaan kerajaan lebih rendah sebanyak 4% (Januari – Jun 2016: 12.7%) disebabkan oleh perbelanjaan penyenggaraan dan operasi lain yang berkurangan. Sementara itu, eksport meningkat dengan mendadak sebanyak 20% (Januari – Jun 2016: 10.4%) sebahagian besarnya disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi bagi komponen elektronik, set pendawaian pencucuhan dan komponen logam. Import berkembang sederhana 18.6% (Januari – Jun 2016: 23.2%) terutamanya disebabkan oleh permintaan lebih rendah bagi elektronik dan peralatan pengangkutan.

Kadar pengangguran meningkat sedikit kepada 5.6% (Julai 2016: 5.4%) berikutan pemberhentian kerja dalam sektor pertanian dan perkhidmatan. Inflasi meningkat kepada 3.1% (Januari – September 2016: 1.5%) disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan minuman tanpa alkohol serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Banko Sentral ng Pilipinas mengekalkan kadar dasar pada 3.00% sejak Jun 2016 memandangkan inflasi kekal dalam sasaran. Pada 2017, Filipina diunjur mencatat pertumbuhan antara 6.5% hingga 7.5% (2016: 6.9%) disokong oleh perbelanjaan kerajaan bagi infrastruktur, modal insan dan perlindungan sosial.

KDNK **Viet Nam** berkembang 5.7% (Januari – Jun 2016: 5.5%) disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi. Pelaburan berkembang 10.5% (Januari – Jun 2016: 11.7%) terutamanya disumbang oleh sektor bukan negeri yang meningkat 14.9% dan sektor negeri sebanyak 6.8% (Januari – Jun 2016: 14.7%; 6.5%). Eksport barangan meningkat dengan mendadak sebanyak 18.9% (Januari – Jun 2016: 5.9%) terutamanya didorong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk minyak mentah, tekstil serta telefon dan alat ganti. Import barangan meningkat semula 24.1% (Januari – Jun 2016: -0.5%) disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi untuk jentera, kelengkapan, peralatan dan alat ganti serta komputer dan produk elektronik.

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan meningkat 6.9% (Januari – Jun 2016: 6.4%) didorong oleh subsektor penginapan dan perkhidmatan katering yang meningkat 8.9%, pengangkutan dan pergudangan 7.8% serta operasi kewangan,

perbankan dan insurans 7.7% (Januari – Jun 2016: 5.7%; 5.1%; 6.1%). Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat semula 2.7% (Januari – Jun 2016: -0.2%) dipacu oleh subsektor perikanan yang meningkat 5.1% (Januari – Jun 2016: 1.3%). Inflasi meningkat kepada 3.8% (Januari – September 2016: 2.1%) disebabkan oleh kenaikan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan dan yuran pendidikan. Pada Julai 2017, State Bank of Vietnam mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas setelah mengekalkan kadar pada 6.50% sejak Mac 2014. Viet Nam dijangka mencatat pertumbuhan 6.5% pada 2017 (2016: 6.2%) disokong oleh pengembangan sektor perkhidmatan dan subsektor pembuatan serta pengeluaran pertanian yang kembali pulih.

Ekonomi Myanmar diunjur kukuh 7.2% pada 2017 (2016: 6.4%) dipacu oleh permintaan domestik dan luaran yang lebih mantap. Pelaburan dijangka meningkat dengan pelaksanaan *Myanmar Investment Law 2016*. Pelaburan dalam perkhidmatan infrastruktur berserta komitmen pelaburan asing yang signifikan dijangka merangsang pertumbuhan dalam persekitaran pembaharuan struktur dan kestabilan makroekonomi yang berterusan. Eksport dijangka mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 13% (2016: 5%) susulan pembentukan Zon Ekonomi Khas, manakala import diunjur meningkat 8.5% (2016: 4.5%). Inflasi dijangka mencatat 7.1% (2016: 6.8%) disebabkan oleh tekanan berterusan daripada penawaran wang dan pertumbuhan kredit.

Pertumbuhan ekonomi **Kemboja** diunjur kekal kukuh 7% pada 2017 (2016: 6.8%) disokong oleh sektor pelancongan dan sektor pertanian. Ketibaan pelancong dijangka bertambah berikutan pengenalan laluan baharu untuk penerbangan terus serantau dan beberapa inisiatif lain termasuk *China Ready Centres* untuk menggalakkan pelancongan. Sektor pertanian dijangka berkembang secara beransur-ansur berikutan usaha bersepadu untuk menggiatkan semula sektor ini. Dari segi permintaan, perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor sosial dijangka menyokong pertumbuhan. Eksport dijangka meningkat 8.8% (2016: 7.6%) susulan kepelbagaian eksport yang terus memacu pertumbuhan jangka sederhana. Inflasi diunjur terus meningkat kepada 4% (2016: 3%) disebabkan oleh harga minyak dan makanan yang lebih tinggi.

Ekonomi **Brunei Darussalam** dijangka kembali pulih pada 2017 dengan pertumbuhan 0.5% (2016: -2.5%) dipacu oleh pelaburan. Pengubahsuaian kemudahan pengeluaran O&G serta FDI dalam beberapa projek besar dijangka menyokong pertumbuhan. Inflasi dijangka meningkat sedikit disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan domestik yang meningkat secara beransur-ansur.

Pada 2017, KDNK **Lao PDR** diunjur berkembang 7% (2016: 6.9%) dipacu oleh pelaburan dalam infrastruktur. Pembinaan loji kuasa hidro dan landasan kereta api bagi laluan Lao – China yang baharu dijangka merangsang ekonomi. Industri pelancongan dijangka berkembang berikutan kesalinghubungan pengangkutan udara yang bertambah baik. Perdagangan runcit turut dijangka meningkat dengan pengembangan francais serantau. Inflasi diunjur mencatat 3% (2016: 1.8%) berikutan kenaikan harga bahan api dan makanan.

## Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

### *Kerjasama yang berterusan di peringkat pelbagai hala dan serantau*

Kerjasama di peringkat global dan serantau adalah penting memandangkan semua ekonomi semakin bersepadu dan saling bergantung. Institusi kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kumpulan Bank Dunia (WBG), Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB) memainkan peranan penting dalam memberi panduan dan sokongan kepada negara anggota untuk mengurangkan kemiskinan, membina kemakmuran dan menggalakkan pembangunan mapan. Forum kerjasama serantau seperti ASEAN, ASEAN+3 dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) menyediakan platform bagi negara anggota untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka, mengeratkan kerjasama ekonomi dan teknikal serta meningkatkan integrasi ekonomi serantau. Institusi kewangan dan forum serantau ini melengkapi usaha Malaysia dalam menangani cabaran pembangunan dan mencapai kemajuan ekonomi yang mapan.

IMF kekal sebagai organisasi yang menyokong negara anggota selaras dengan usaha ke arah memupuk kerjasama kewangan global, mencapai kestabilan kewangan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Misi utama IMF dalam memastikan kestabilan sistem monetari antarabangsa dilaksanakan melalui kemudahan pinjaman, aktiviti bina upaya dan pengawasan. IMF menyediakan bantuan teknikal (TA) dan program latihan sebagai sebahagian daripada inisiatif bina upaya untuk negara anggota. Di Malaysia, IMF menyediakan TA dan nasihat dasar dalam pelbagai bidang dengan bantuan teknikal terkini berkenaan misi kajian semula perbelanjaan Kerajaan. Misi ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman antarabangsa berkaitan kajian semula perbelanjaan dengan agensi Kerajaan di Malaysia. Misi ini turut mencadangkan satu model kajian semula perbelanjaan untuk Malaysia, selari dengan


## Sisipan 2.1

## Memanfaatkan Peluang dalam Inisiatif Belt and Road

### Pengenalan

Inisiatif Belt and Road (BRI) yang mula diperkenalkan oleh China pada 2013 merujuk kepada “Silk Road Economic Belt” yang berasaskan laluan darat dan “21st Century Maritime Silk Road” yang berasaskan laluan laut. BRI terdiri daripada enam koridor ekonomi yang merangkumi 65 buah negara yang menghubungkan Asia, Afrika, Timur Tengah dan Eropah. Laluan ini meliputi lebih daripada 60% penduduk dunia, kira-kira 35% daripada perdagangan barangan dunia dan sekitar 30% daripada KDNK global. Menjelang 2050, rantau BRI dijangka menyumbang 80% kepada pertumbuhan global dan meningkatkan lebih daripada tiga bilion penduduk dunia ke status kelas pertengahan.<sup>1</sup> Objektif utama BRI adalah untuk mewujudkan kesatuan yang aman, berinovasi, makmur dan terbuka bagi negara terlibat dengan fokus kepada mempertingkatkan rangkaian hubungan untuk integrasi ekonomi dan pembangunan bersama. BRI memberi penekanan kepada peningkatan rangkaian hubungan darat, maritim, udara dan ruang siber.

Rajah 2.1.1. Peta Inisiatif Belt and Road



### Peluang dalam Inisiatif Belt and Road

BRI akan memainkan peranan penting dalam menyepadukan sumber ekonomi dan menyelaraskan dasar untuk menggalakkan pembangunan bersama. Inisiatif ini dijangka menyediakan banyak peluang bagi Malaysia dalam menembusi pasaran baharu, mempelbagaikan produk dan perkhidmatan tempatan serta menarik pelaburan langsung asing. Di samping itu, inisiatif ini juga dapat meningkatkan perkhidmatan logistik, menyediakan kemudahan pembiayaan projek, mewujudkan pelbagai pekerjaan dalam semua sektor dan menggalakkan pertukaran budaya.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka dan tersenarai dalam kalangan 25 negara pengeksport utama dunia,<sup>2</sup> Malaysia akan menerima manfaat daripada BRI. Pada 2016, perdagangan Malaysia dengan negara di sepanjang Belt and Road adalah melebihi RM850 bilion. Melalui BRI, jumlah perdagangan dijangka terus meningkat dalam dekad akan datang. Inisiatif ini juga akan memberi manfaat kepada rantau ini dengan memperteguh strategi integrasi dan kesalinghubungan ASEAN dan pada masa yang sama mengukuhkan lagi hubungan ASEAN – China. Malaysia akan menerima manfaat melalui Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dengan meneroka peluang perniagaan secara bersama. Di samping itu, Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan merencanakan ekonomi negara dengan melibatkan 10 buah negara ASEAN dan enam rakan dialog perdagangan (ASEAN+6<sup>3</sup>). Secara kolektif, RCEP mewakili hampir 50% daripada populasi dunia dengan nilai gabungan KDNK sekitar USD23.5 trilion dan meliputi kira-kira 28% perdagangan barangan dunia.

<sup>1</sup> McKinsey Global Institute (April 2015). *One Belt, One Road: From Dialogue to Action*.

<sup>2</sup> Pertubuhan Perdagangan Dunia (2017). *Trade Profiles*.

<sup>3</sup> Australia, China, Jepun, Republik Korea, India dan New Zealand.



BRI dijangka dapat mewujudkan lebih peluang perniagaan kepada syarikat Malaysia dalam pelbagai bentuk seperti usaha sama, pemindahan teknologi dan pelaburan langsung. Malaysia mempunyai potensi besar untuk bekerjasama dengan syarikat dari China dalam segmen utama sektor pembuatan seperti produk E&E, kimia, besi dan keluli, peralatan perubatan, aeroangkasa, automotif serta produk halal dan buah-buahan tropika. Bagi sektor perkhidmatan, antara bidang kerjasama meliputi logistik, kewangan Islam, pelancongan, kesihatan, pendidikan, alam sekitar serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Di samping itu, China telah menyatakan komitmen untuk mengimport produk bernilai USD2 trilion dari negara peserta BRI dalam tempoh lima tahun akan datang yang memberi peluang tambahan kepada negara terlibat.

Syarikat China yang berinovatif secara agresif telah menuju ke arah pembuatan pintar selaras dengan transformasi teknologi yang canggih berdasarkan penggunaan ICT, *artificial intelligence* dan bioperubatan. Malaysia berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan Revolusi Perindustrian 4.0 yang menggalakkan perniagaan tempatan untuk mengautomatiskan dan memupuk pembuatan pintar dalam proses pengeluaran. Usaha ini akan terus menyokong kerjasama dan pemindahan teknologi, terutamanya dalam bidang robotik, Internet of Things (IoT), data raya, pengkomputeran awan dan eDagang. Dalam hal ini, pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dijangka merencanakan pertumbuhan eDagang Malaysia yang disasar mencapai 20.8% menjelang 2020 daripada 10.8% pada 2016.<sup>4</sup>

BRI adalah rangkaian infrastruktur multidimensi yang meliputi laluan pengangkutan darat-air-udara dan disokong oleh projek utama landasan kereta api, pelabuhan dan saluran paip. Tempoh dan kos penghantaran barangan dapat dikurangkan dengan membangun dan menghubungkan infrastruktur fizikal dengan negara jiran. Lokasi Malaysia yang strategik di sepanjang Laluan Sutera Maritim akan memperkukuh kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan pilihan. Sehingga Jun 2017, Malaysia dan China telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang yang melibatkan nilai sekitar RM170 bilion. MoU tersebut merangkumi projek strategik seperti Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China, DFTZ, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Universiti Xiamen Malaysia, Melaka Gateway serta Forest City dan pembangunan lain di Johor. Pembinaan infrastruktur dalam logistik dan pengangkutan bukan sahaja membawa kesan penganda, malah menyumbang secara tidak langsung kepada rangkaian pekan dan bandar. Selain itu, BRI akan menggalakkan penggunaan kandungan dan perkhidmatan tempatan serta memudahkan perdagangan merentasi sempadan. Sehubungan ini, Malaysia berada pada kedudukan yang tepat untuk menjadi destinasi logistik pilihan di Asia.

Dari segi mekanisme pembiayaan, China bercadang untuk membiayai projek BRI melalui Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB) termasuk institusi kewangan pembangunan (DFI) seperti New Development Bank, EXIM Bank China dan Dana Silk Road. AIIB yang mempunyai modal awal sebanyak USD100 bilion telah menyediakan pinjaman berjumlah USD1.7 bilion bagi sembilan projek infrastruktur di negara peserta BRI.<sup>5</sup> Selain itu, negara yang menyertai BRI juga digalakkan mendapatkan pembiayaan melalui kerjasama awam swasta (PPP) dan terbitan bon.

China juga telah menawarkan 10,000 biasiswa khas Silk Road setiap tahun kepada negara yang menyertai BRI untuk menggalakkan pertukaran budaya dan pendidikan. Universiti Xiamen Malaysia merupakan kampus pertama di luar China yang berperanan sebagai platform pertukaran budaya dan pendidikan antara China dan ASEAN. Sehingga akhir Mac 2017, terdapat 12,712 pelajar dari China telah mendaftar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Bagi industri pelancongan, Malaysia menduduki tempat ketiga dalam kalangan negara ASEAN selepas Thailand dan Singapura sebagai destinasi paling popular bagi pelancong China.<sup>6</sup>

### Kesimpulan

BRI yang merupakan kerjasama plurilateral yang merangkumi 65 buah negara akan memberikan manfaat bersama kepada semua negara peserta. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya melibatkan pelbagai fahaman politik dengan perundangan dan peraturan berbeza yang mungkin menimbulkan cabaran rentas sempadan dan institusi. Dalam hal ini, negara peserta BRI perlu memainkan peranan dalam memudah cara sebarang isu berbangkit. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan bersepadu di peringkat global, Inisiatif Belt and Road bertepatan dengan agenda pembangunan negara. Kerajaan akan mengambil peranan sebagai pemudah cara bagi memastikan penyertaan efektif sektor swasta, khususnya PKS. Dalam melengkapi usaha ini, pihak industri perlu proaktif untuk menjalin kerjasama antara satu sama lain bagi memanfaatkan peluang BRI demi mencapai *win-win outcome*.

<sup>4</sup> Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) (2016). *Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan*.

<sup>5</sup> Projek di Azerbaijan, Bangladesh, Georgia, India, Indonesia, Myanmar, Oman, Pakistan dan Tajikistan.

<sup>6</sup> TravelChinaGuide (2017). Dicapai Oktober 9, 2017 daripada <https://www.travelchinaguide.com/tourism/2017statistics/mengenai2017ChinaTourismFacts&Figures>.

agenda transformasi Kerajaan dan cabaran fiskal yang dihadapi serta keupayaan Kementerian untuk melaksanakan rangka kerja yang dicadangkan.

IMF menjalankan Rundingan Tahunan Artikel IV sebagai sebahagian daripada amalan pengawasannya. Laporan Artikel IV IMF 2016/2017 memberi maklum balas positif terhadap prestasi baik dan daya tahan yang berterusan bagi ekonomi Malaysia walaupun dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar. Maklum balas ini menunjukkan tindak balas dasar makroekonomi Malaysia yang mantap dalam menghadapi cabaran dan risiko yang ketara.

WBG merupakan perkongsian unik terdiri daripada lima institusi global yang bekerjasama ke arah mencapai misi untuk membasmi kemiskinan tegar dan menggalakkan kemakmuran bersama. WBG komited untuk mengurangkan kemiskinan tegar global kepada 3% menjelang 2030 dan menggalakkan kemakmuran bersama dengan meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan 40% terendah (B40) di setiap negara anggota. WBG telah memberi komitmen sebanyak USD61.8 bilion (2016: USD64.2 bilion) bagi tahun kewangan 2017 dalam bentuk pinjaman, geran, pelaburan ekuiti dan jaminan untuk negara anggota dan perniagaan swasta.

WBG terus mengekalkan hubungan erat dengan Malaysia melalui Hab Pengetahuan dan Penyelidikan WBG di Kuala Lumpur. Hab ini merupakan rakan strategik bagi Forum Transformasi Global 2017 yang memberi tumpuan kepada kaedah kreatif dan inovatif untuk memacu transformasi. Hab WBG Kuala Lumpur telah memperkukuh model operasi bagi mencapai kesinambungan dan sinergi yang lebih baik antara pengetahuan *inbound* dan *outbound*, penyelidikan global dan Perjanjian *Reimbursable Advisory Services*.

Hab ini menyediakan program *internship* untuk pelajar pascasiswazah tempatan dalam pelbagai bidang penyelidikan sebagai sebahagian daripada program bina upaya. Hab WBG Kuala Lumpur kini menganggotai kumpulan kerja teknikal bersama Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam menyokong Program Kewangan Hijau Malaysia termasuk penerbitan sukuk hijau. Sukuk ini akan membiayai program infrastruktur yang mengutamakan kelestarian alam sekitar pada masa hadapan.

ADB ditubuhkan untuk membantu negara anggota membangun mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sejak tahun 1966, ADB telah membiayai lebih daripada USD250 bilion bagi melaksanakan projek infrastruktur serta menjalankan penyelidikan dan berkongsi pengetahuan. Pada 2017, ADB telah meraikan 50 tahun inisiatif pembangunan di rantau Asia dan

Pasifik. ADB sedang merangka strategi jangka panjang baharu yang dikenali sebagai *Strategy 2030*, berpaksikan lima keutamaan selari dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Keutamaan ini adalah menggabungkan teknologi yang lebih maju dalam pembangunan infrastruktur, meningkatkan sektor sosial termasuk penjagaan kesihatan dan pendidikan menengah, menggalakkan kesaksamaan gender, menggerakkan sumber swasta melalui kerjasama awam-swasta (PPP) dan meneruskan pembaharuan dalaman organisasi. ADB akan terus bekerjasama dengan negara anggota untuk membina rantau Asia dan Pasifik yang lebih rancak, terangkum dan mapan.

IDB ialah institusi kewangan Islam antarabangsa yang menggalakkan pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial negara ahli dan komuniti Islam berlandaskan prinsip Syariah. Pada masa ini, IDB mempunyai 57 ahli dengan ahli terkini ialah Republik Kerjasama Guyana, berkuatkuasa Mei 2016. Pejabat Serantau Kuala Lumpur IDB yang ditubuhkan pada September 1995 berperanan memberi perkhidmatan kepada negara ahli dan komuniti Islam di Asia Tenggara antaranya melalui pembiayaan, pembangunan kapasiti dan pemberian biasiswa.

Dalam usaha untuk memperkukuh perkongsian strategik, Malaysia dan IDB telah memperbaharui *Memorandum of Understanding (MoU) Concerning Cooperation on Islamic Finance, Reverse Linkages, Resource Mobilisation and Halal Industry* pada 27 November 2016. MoU ini merupakan kesinambungan daripada *Member Country Partnership Strategy (MCPS)* yang telah tamat pada 2015. MoU yang diperbaharui bagi tempoh 2016 hingga 2019 ini menetapkan rangka kerja untuk kerjasama dalam empat bidang strategik iaitu kewangan Islam, *reverse linkages*, *resource mobilisation* dan industri halal.

AIIB yang memulakan operasi pada Januari 2016 ditubuhkan bagi menyokong pembangunan ekonomi mapan melalui pelaburan infrastruktur. Modal dibenarkan AIIB berjumlah USD100 bilion dengan satu juta saham dan modal berbayar sebanyak USD20 bilion. Pada masa ini, AIIB mempunyai 56 ahli di bawah 12 kumpulan mengundi dan 24 bakal ahli yang masih dalam proses ratifikasi. Malaysia menjadi ahli AIIB pada 27 Mac 2017 di bawah Kumpulan Mengundi I bersama Thailand, Filipina, Bangladesh, Maldives dan Nepal. AIIB telah mengadakan Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor Ke-2 di Jeju, Republik Korea pada Jun 2017 dengan penyertaan Malaysia sebagai ahli penuh untuk kali pertama. Hasil mesyuarat ini termasuk meluluskan kemasukan ahli baharu iaitu Tonga, Argentina dan Madagascar. Sejak ditubuhkan, AIIB telah meluluskan 31 projek di 12 negara dengan pinjaman berjumlah USD3.4 bilion.

ASEAN yang telah meraikan ulang tahun ke-50 pada 8 Ogos 2017 semakin berkembang sebagai komuniti serantau yang utama dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan dan integrasi ekonomi. ASEAN terus memupuk perpaduan dalam kalangan negara anggota di bawah Komuniti ASEAN 2025 melalui tiga tonggak iaitu keselamatan politik, sosio-budaya dan ekonomi. ASEAN menyedari bahawa langkah seterusnya bagi mencapai visi ASEAN adalah dengan meningkatkan kesalinghubungan. Oleh itu, ASEAN telah bersetuju untuk menerima pakai Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN (MPAC) 2025 di Vientiane, Lao PDR pada 6 September 2016 bagi meneruskan MPAC 2010. MPAC 2025 memberi tumpuan kepada lima bidang strategik iaitu infrastruktur mapan, inovasi digital, kelancaran logistik, kecemerlangan pengawalseliaan dan pergerakan tanpa sempadan. Bidang strategik ini dijangka akan menambah baik jaringan infrastruktur, institusi dan rakyat-ke-rakyat untuk lebih menggalakkan daya saing, kemakmuran, keterangkuman dan kesedaran berk komuniti.

Di bawah tonggak ekonomi, tujuh pakej komitmen liberalisasi perkhidmatan kewangan telah diratifikasi oleh kebanyakan negara anggota ASEAN (AMS), termasuk Malaysia. Pakej Kelapan Komitmen sedang dirundingkan dan Pakej ini dijangka ditandatangani pada 2018. Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) yang diperkenalkan di bawah Pakej Keenam (2015) komitmen perkhidmatan kewangan membolehkan pasaran perbankan yang lebih bersepadu dicapai melalui perjanjian bilateral dalam kalangan AMS. Susulan itu, Malaysia telah menandatangani perjanjian dua hala dengan Indonesia dan Filipina di bawah ABIF. Perjanjian ini mengesahkan peranan penting bank ASEAN yang berkelayakan dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor Bank Pusat telah bersetuju bahawa keterangkuman kewangan harus menjadi keutamaan dasar bagi ASEAN. Susulan itu, Jawatankuasa Kerja mengenai Keterangkuman Kewangan telah ditubuhkan pada April 2016 untuk mengurangkan purata tahap golongan yang tidak mendapat akses kewangan di ASEAN kepada 30% (kini pada 44%) menjelang 2025 dan meningkatkan tahap kesediaan infrastruktur di ASEAN kepada 85% (kini pada 70%). Inisiatif keterangkuman kewangan adalah signifikan bagi menyampaikan produk dan perkhidmatan kewangan kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan. Beberapa inisiatif sedang dilaksanakan bagi menyokong strategi keterangkuman kewangan negara, mengukuhkan bina upaya AMS untuk menambah baik ekosistem keterangkuman kewangan, menggalakkan platform digital yang inovatif serta meningkatkan pendidikan kewangan dan perlindungan pengguna.

Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 telah menyatakan komitmen mereka untuk mengukuhkan lagi kerjasama, terutamanya di bawah ASEAN+3 *Macroeconomic Research Office* (AMRO), *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) dan *Asian Bond Markets Initiative* (ABMI). Sejak dinaik taraf sebagai sebuah organisasi antarabangsa, AMRO telah mengambil langkah untuk meningkatkan lagi kredibiliti dan kewujudan AMRO di peringkat serantau dan global di samping mengukuhkan peranan dalam menyokong pelaksanaan CMIM. Pelan Hala Tuju Strategik dan Pelaksanaan Jangka Sederhana AMRO akan menjadi sumber rujukan bagi AMRO melaksanakan pengawasan berkualiti tinggi untuk ahlinya. AMRO juga telah memuktamadkan MoU dengan ADB untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua organisasi.

Forum ABMI kekal komited dalam melaksanakan Pelan Tindakan Jangka Sederhana yang diperkenalkan pada 2015 meliputi tempoh lima tahun. *Credit Guarantee and Investment Facility* (CGIF) iaitu salah satu inisiatif utama ABMI, meneruskan usaha bagi menggalakkan pasaran bon mata wang tempatan dan meningkatkan pelaburan jangka panjang di rantau ASEAN+3. Sehingga Julai 2017, CGIF telah menjamin 18 bon berjumlah USD1.06 bilion yang diterbitkan oleh 13 syarikat dari lapan buah negara. Selain itu, satu kajian baharu untuk mengiktiraf bon ASEAN+3 di peringkat global sebagai cagaran utama telah bermula pada April 2017. Sebagai sebahagian daripada inisiatif baharu di bawah Pelan Tindakan Jangka Sederhana ABMI, satu kajian untuk menggalakkan bon hijau dalam denominasi mata wang tempatan bagi projek infrastruktur turut dijalankan.

APEC merupakan forum ekonomi serantau yang telah ditubuhkan pada 1989 bagi memperoleh manfaat daripada kesalingbergantungan yang kian meningkat di rantau Asia-Pasifik. APEC yang dianggotai oleh 21 ekonomi, bermatlamat mewujudkan kemakmuran yang lebih kukuh untuk rakyat di rantau ini dengan menggalakkan pertumbuhan yang seimbang, terangkum, mapan, inovatif dan terjamin serta mempercepat integrasi ekonomi serantau. Proses Menteri Kewangan APEC terus membincangkan kemajuan dan pelaksanaan 21 inisiatif di bawah Pelan Tindakan Cebu. Pada 2017, Viet Nam merupakan hos bagi siri mesyuarat kewangan APEC yang ke-24 bertemakan "*Creating New Dynamism, Fostering Shared Future*". Empat keutamaan yang telah ditentukan oleh Viet Nam adalah: *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS); *Long-Term Investment in Infrastructure*; *Disaster Risk Financing and Insurance* (DRFI); serta *Financial Inclusion*.



Di bawah BEPS, ekonomi APEC komited untuk memperkuat usaha bagi menangani pelarian dan pengelakan cukai selaras dengan piawaian cukai antarabangsa yang dipersetujui bersama. Anggota ekonomi juga menyambut baik penubuhan Pelan Tindakan BEPS G20/OECD dengan komitmen dibuat untuk melaksanakan langkah BEPS. Dalam hal ini, Malaysia telah menyertai *Inclusive Framework on BEPS* sebagai *BEPS Associates*. Sementara itu, di bawah *Long-Term Investment in Infrastructure*, ekonomi APEC bersetuju untuk terus memberi komitmen bagi menggalakkan pelaburan dalam infrastruktur yang direka dengan baik, mapan dan berdaya tahan di rantau Asia-Pasifik. Sehubungan ini, Malaysia memberi penekanan kepada projek infrastruktur yang mempunyai teknologi hijau dan reka bentuk cekap tenaga untuk mengekalkan daya saing bagi menarik pelabur swasta.

Di bawah DRFI, ekonomi APEC terus membincangkan kepentingan pengumpulan data berkaitan komponen risiko dan insurans untuk mengurangkan kos risiko bencana. Malaysia sedang membangunkan skim insurans dan takaful bencana serta rangka kerja pengawalseliaan bagi memudahkan pertumbuhan pasaran insurans mikro dan takaful mikro. Selain itu, ekonomi APEC terus memperkuat usaha anggota bagi memperluas keterangkuman kewangan dan celik kewangan. Ekonomi APEC terus memberi tumpuan kepada usaha dalam menggalakkan ekosistem digital bagi perkhidmatan kewangan, membangunkan mekanisme pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) serta menggubal dan melaksana dasar celik kewangan. Sehubungan itu, Malaysia turut memperluas akses perkhidmatan kewangan digital serta menyediakan pendidikan kewangan untuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan yang baharu mendapat khidmat perbankan.

## Prospek 2018

### *Pertumbuhan global terus berkembang*

Pertumbuhan KDNK global dijangka berkembang 3.7% pada 2018 (2017: 3.6%) dipacu oleh pertumbuhan mapan di negara maju serta prestasi ekonomi EMDE yang lebih baik. Negara maju diunjur mencatat pertumbuhan 2% (2017: 2.2%) disokong oleh permintaan domestik dan luaran yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi AS dijangka terus berkembang 2.3% (2017: 2.2%) disumbang oleh permintaan domestik yang mantap berikutan perbelanjaan pengguna yang tinggi, aktiviti

pelaburan yang semakin meningkat dan permintaan luar yang bertambah baik. Di kawasan euro, pertumbuhan diunjur berkembang sederhana sebanyak 1.9% (2017: 2.1%) disebabkan oleh pelaburan yang lebih perlahan meskipun syarat pembiayaan yang lebih longgar dilaksanakan dengan disokong oleh program rangsangan ECB. Kadar pertumbuhan di UK juga dijangka lebih perlahan sebanyak 1.5% (2017: 1.7%) berikutan kesan ketidakpastian pasca Brexit mungkin menjejaskan keyakinan perniagaan dan pengguna secara berterusan. Ekonomi Jepun dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% (2017: 1.5%) disebabkan oleh penarikan balik rangsangan fiskal.

KDNK EMDE dijangka meningkat 4.9% (2017: 4.6%) terutamanya disokong oleh permintaan global yang lebih tinggi dan keyakinan pasaran yang semakin meningkat. China dijangka berkembang 6.5% (2017: 6.8%) dalam persekitaran pembaharuan struktur dan usaha yang berterusan untuk membendung risiko dalam pasaran kewangan dan hartanah. Pertumbuhan India diunjur lebih mantap sebanyak 7.4% (2017: 6.7%) sebahagian besarnya disumbang oleh penggunaan swasta yang kukuh serta pelaburan yang meningkat menerusi pembaharuan struktur utama. Sementara itu, ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan stabil 5.1% (2017: 4.9%) disokong oleh penggunaan kukuh dan permintaan luar yang meningkat.

Ekonomi global dijangka berhadapan beberapa risiko walaupun diunjur mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada 2018. Antara risiko tersebut adalah ketidakpastian dasar dalam ekonomi utama seperti perlindungan perdagangan, ketidakpastian pasca Brexit, pertumbuhan kredit yang berlebihan dan hutang isi rumah yang tinggi. Selain itu, keadaan geopolitik yang semakin tegang di Timur Tengah dan Asia Timur, kenaikan harga minyak dan komoditi yang perlahan serta kesan perubahan iklim boleh dilihat sebagai risiko tambahan.

Kadar inflasi di negara maju diunjur kekal pada 1.7% (2017: 1.7%) disebabkan oleh pertumbuhan sederhana bayaran upah dalam persekitaran harga tenaga global yang meningkat. Sementara itu, inflasi EMDE dijangka mencatat 4.4% (2017: 4.2%) disumbang oleh kenaikan harga minyak dan komoditi. Perdagangan dunia dijangka kekal kukuh 4% (2017: 4.2%) berikutan permintaan global yang lebih tinggi dan aliran perdagangan yang meningkat bagi China dan India.